

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
18 Julai 2025

SD Guthrie Lancar Projek Rintis Biodiesel B30 di Pulau Carey

- Semua jentera operasi dan kenderaan Guthrie di Pulau Carey akan beralih kepada biodiesel B30 yang merupakan sebatian 30% biodiesel berasaskan minyak sawit bersama 70% diesel berasaskan petroleum.

Petaling Jaya, 18 Julai 2025 – SD Guthrie Berhad (Guthrie) telah melancarkan projek rintis penggunaan biodiesel B30 bersama rakan kerjasama Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), Petronas Dagangan Berhad (PDB) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), untuk memastikan bekalan biodiesel yang lebih lestari bagi operasi perladangan Guthrie di Pulau Carey, Selangor.

Perasmian projek tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi, di Akademi Golden Hope milik Guthrie yang terletak di pulau tersebut.

Melalui inisiatif ini, Guthrie akan melaksanakan peralihan sepenuhnya kepada penggunaan biodiesel B30 bagi semua jentera operasi dan kenderaan syarikat tersebut yang menggunakan diesel dalam operasi perladangannya di Pulau Carey. Biodiesel B30, yang merupakan sebatian 30% biodiesel berasaskan sawit dan 70% diesel berasaskan petroleum, adalah bahan api yang lebih bersih, dan mampu menawarkan pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) sehingga 23% bagi setiap liter berbanding diesel konvensional. Bekalan biodiesel B30 ini akan diperoleh daripada terminal PDB di Melaka.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie, Datuk Mohamad Helmy Othman Basha, projek rintis tersebut memperkukuhkan lagi kedudukan Guthrie sebagai peneraju dalam agenda dekarbonisasi di sektor perladangan. Inisiatif terbaharu Guthrie ini juga sejajar dengan aspirasi negara untuk beralih daripada kebergantungan kepada bahan api fosil serta menggalakkan penggunaan biodiesel berasaskan minyak sawit sebagai pilihan yang lebih lestari. Ia juga mencerminkan komitmen Guthrie kepada peralihan tenaga lestari serta dalam mengurangkan pelepasan karbon.

“Pelancaran kempen biodiesel B30 ini merupakan satu pencapaian penting dalam perjalanan Guthrie ke arah pelepasan sifar bersih. Dengan melaksanakan peralihan menyeluruh kepada biodiesel B30 bagi operasi kami di Pulau Carey, kami bukan sahaja mengurangkan pelepasan karbon, malah turut menetapkan penanda aras baharu bagi amalan-amalan lestari dalam sektor perladangan,” ujar beliau.

Pada tahun 2023, sasaran pelepasan sifar bersih Guthrie telah disahkan sepenuhnya oleh pihak *Science Based Targets initiative* (SBTi), menjadikan Guthrie syarikat minyak sawit pertama dunia yang mendapat pengesahan tersebut. Dengan menggunakan bahan api yang lebih bersih, Guthrie akan dapat mengurangkan pelepasan karbonnya dalam Skop 1, yang kini menyumbang sekitar 31% daripada jumlah keseluruhan pelepasan karbon syarikat tersebut.

Pulau Carey dipilih sebagai lokasi projek rintis tersebut kerana ia merupakan hab kepada pelbagai inisiatif pemodenan operasi Guthrie melalui mekanisasi, automasi dan pendigitalan operasi perladangan sawit. Selain sebuah loji biodiesel, di pulau tersebut, Guthrie juga telah menubuhkan Unit Transformasi Mekanisasi dan Pusat Robotik bagi tujuan membangunkan teknologi terkini dalam usaha mentransformasikan kaedah kerja tradisional yang telah diguna pakai sejak lebih satu abad dengan penyelesaian yang lebih moden, cekap dan mesra pekerja. Pelaksanaan projek rintis biodiesel B30 Guthrie akan memberi tumpuan kepada jentera-jentera yang dibangunkan menerusi inisiatif mekanisasi Guthrie yang telah pun digunakan oleh syarikat tersebut dalam operasi perladangannya.

Meskipun kos pengeluarannya lebih tinggi berbanding sebatian biodiesel sedia ada, Datuk Mohamad Helmy menzahirkan harapannya agar projek perintis ini dapat membuka laluan kepada pelaksanaan mandat nasional biodiesel B30 pada masa akan datang, sekaligus memacu peningkatan penggunaan minyak sawit yang lebih tinggi di pasaran tempatan. Inisiatif ini juga akan memberi peluang kepada pengeluar enjin untuk menilai prestasi dan ketahanan jangka panjang enjin apabila menggunakan sebatian biodiesel yang lebih tinggi.

“Guthrie berbangga menerajui inisiatif ini – namun Pulau Carey hanyalah permulaan. Hasrat kami adalah untuk memperluaskan lagi pelaksanaan B30 ke seluruh operasi Guthrie bagi mengurangkan lagi pelepasan karbon. Kerjasama kami dengan KPK, Petronas dan MPOB, memperlihatkan bahawa minyak sawit mampu menyumbang kepada penyelesaian masalah perubahan iklim, seiring dengan aspirasi negara untuk beralih kepada pembangunan ekonomi yang lebih lestari, serta meningkatkan kecekapan dan daya tahan sektor perladangan,” tambahnya lagi.

Berdasarkan kiraan penggunaan tahunan diesel bagi jentera operasi perladangan, peralihan sepenuhnya kepada minyak biodiesel B30 di seluruh operasi Guthrie di Malaysia dijangka dapat mengurangkan kira-kira 9,000 tan pelepasan karbon dioksida setiap tahun. Jumlah ini adalah bersamaan karbon dioksida yang dilepaskan oleh lebih 1,950 kenderaan penumpang di jalan raya setiap tahun.

Projek rintis biodiesel B30 ini meneruskan momentum Program Biodiesel Negara yang diperkenalkan pada 2011 melalui pengkomersialan B5, diikuti B7 (2014), B10 (2019), dan B20 pada tahun 2020 yang kini sedang dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara. Guthrie turut melaksanakan projek rintis mengguna pakai B20 di Ladang Seri Pulai syarikat tersebut, di Johor, sejak Jun lalu.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM32.98 billion (USD7.77 billion) setakat 17 Julai 2025, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau hubungi:

- **Hafiz Noor, Head, Strategic Communications**
Tel: +6019-424 8283 | E-mail: hafiznoor@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Head, Content and Channels**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com